



AB Rauf membincangkan sesuatu bersama delegasi Kerajaan Negeri Melaka ketika hadir ke Smart City Expo World Congress 2023 (SCEWC 2023) di Barcelona. Foto: Pejabat Ketua Menteri



AB Rauf ketika mengetuai delegasi Kerajaan Negeri Melaka dalam Sesi Meja Bulat bersama pemimpin perniagaan dari Barcelona dan Malaysia untuk mempromosikan Malaysia sebagai Hab Digital Penyelesaian Bandar Pintar di Asia Tenggara. Hadir sama, Exco Sains, Teknologi, Inovasi dan Komunikasi Digital negeri Datuk Fairul Nizam Roslan. Foto: Pejabat Ketua Menteri

Melaka komited jadi perintis bandar pintar

Fiqa Jamal

AYER KEROH - Ketua Menteri Datuk Seri Utama Ab Rauf Yusoh menyatakan komitmen Kerajaan Negeri Melaka untuk beradadi barisan hadapan dalam melaksanakan penyelesaian Bandar Pintar.

Komitmen itu dinyatakan Ketua Menteri ketika menghadiri Sesi Meja Bulat bersama pemimpin perniagaan dari Barcelona dan Malaysia di Fira de Barcelona, Sepanyol, 9 November lalu.

Ketua Menteri berkata, inisiatif itu akan menjadikan Melaka sebagai perintis bandar pintar di Malaysia menerusi kerangka Smart Melaka Blueprint 2035.

"Sesi Meja Bulat anjuran Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) ini secara tidak langsung mempromosikan platform dalam talian bersepadu untuk semua perkhidmatan Kerajaan Negeri Melaka di bawah penje-

namaan Melaka Super Apps.

"Di bawah kerangka Smart Melaka Blueprint 2035, Kerajaan Negeri Melaka kini dalam proses melaksanakan beberapa inisiatif Smart Melaka termasuk memanfaatkan pembangunan 'Big Data Analytics' dan menubuhkan 'Melaka Command Center'.

"Kita juga memperkenalkan aplikasi Perancang Perjalanan Pintar dan melaksanakan inisiatif perintis, Kampung Digital sebagai penyelesaian sistem penyampaian perkhidmatan di kawasan luar bandar," kata Ketua Menteri menerusi perkongsian di Facebook rasmi beliau.

Bersama-sama Ab Rauf pada Persidangan Meja Bulat itu Exco Sains, Teknologi, Inovasi dan Komunikasi Digital negeri, Datuk Fairul Nizam Roslan serta Ketua Pengarah Kementerian Perdagangan, Industri dan Pelancongan Sepanyol, Elisa Carbonell.

Selain itu delegasi Melaka yang diketuai Ab Rauf turut hadir ke Smart City Expo World Congress 2023 (SCEWC 2023) di Barcelona.

Pada ekspo berkenaan, Ketua Menteri turut menggunakan kesempatan yang ada bagi memperkenalkan negeri ini sebagai destinasi pelaburan baharu kepada rakan-rakan strategik MDEC dan pelabur berpotensi.

Menurut beliau pentas SCEWC 2023 turut menjadi medan promosi kawasan pembangunan koridor ekonomi berimpak tinggi, Straits of Melaka Waterfront Economic Zone (SM-WEZ).

"Peluang di Barcelona perlu dimanfaatkan kerana Expo ini menghimpunkan lebih 1,000 syarikat antarabangsa dari 140 negara yang mempunyai kepakaran dalam pembangunan Bandar Pintar atau Smart City," katanya.

Hadir sama ke SCEWC 2023 ialah Exco Kemajuan



MELAWAT sekitar tapak penganjuran Smart City Expo World Congress 2023 (SCEWC 2023). Foto: Pejabat Ketua Menteri

Desa, Pertanian dan Keterjaminan Makanan negeri, Dr. Muhamad Akmal Saleh, Timbalan Exco Pelaburan, Perindustrian dan Pembangunan TVET, Datuk Khaidhirah Abu Zahar serta Ketua Pegawai Eksekutif Melaka ICT Holdings Sdn Bhd (MICTH), Dr. Nazdiana Ab Wahab.



AB Rauf bergambar bersama delegasi Kerajaan Negeri Melaka yang hadir ke Smart City Expo World Congress 2023 (SCEWC 2023) di Barcelona. Foto: Pejabat Ketua Menteri



AB Rauf memberi penerangan mengenai pembangunan koridor ekonomi berimpak tinggi, Straits of Melaka Waterfront Economic Zone (SM-WEZ). Foto: Pejabat Ketua Menteri

WAKTU SOLAT 2023						
13 NOVEMBER - 19 NOVEMBER 2023						
13 November	14 November	15 November	16 November	17 November	18 November	19 November
SUBUH 5.46am	SUBUH 5.44am	SUBUH 5.44am	SUBUH 5.46am	SUBUH 5.45am	SUBUH 5.45am	SUBUH 5.45am
TERANG 6.55am	TERANG 6.55am	TERANG 6.54am	TERANG 6.54am	TERANG 6.54am	TERANG 6.54am	TERANG 6.57am
ZOHOR 12.58pm	ZOHOR 12.58pm	ZOHOR 12.58pm	ZOHOR 12.58pm	ZOHOR 12.58pm	ZOHOR 12.58pm	ZOHOR 12.59pm
ASHUR 4.19pm	ASHUR 4.20pm	ASHUR 4.20pm	ASHUR 4.20pm	ASHUR 4.21pm	ASHUR 4.21pm	ASHUR 4.21pm
MAGHRIB 6.57pm	MAGHRIB 6.57pm	MAGHRIB 6.57pm	MAGHRIB 6.58pm	MAGHRIB 6.58pm	MAGHRIB 6.58pm	MAGHRIB 6.58pm
ISYAK 8.09pm	ISYAK 8.10pm	ISYAK 8.10pm	ISYAK 8.10pm	ISYAK 8.11pm	ISYAK 8.11pm	ISYAK 8.11pm